



MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 1

Monday 22 May 2006 (morning)
Lundi 22 mai 2006 (matin)
Lunes 22 de mayo de 2006 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1. (a)

5 Fikiran Emak kembali memikirkan kunjungan Nizam tadi. Betulkah perkhabaran Nizam. Kalau betul mengapa tidak ayahnya yang datang. Mengapa tidak Cik Teh yang datang. Takkan perkhabaran sebegitu penting dibiarkan kepada budak-budak mentah untuk menyampaikannya. Apa yang dia tahu tentang kehidupan. Apa yang dia tahu tentang pertalian adik-beradik. Takkan hanya kerana motosikal kapcai Nizam yang laju tugas menyampaikan khabar penting ini diserahkan kepadanya.

10 Betulkah Tok Wan sudah tiga hari tidak makan, tiga hari tidak bercakap dan tiga hari tidak bangkit dari tempat tidurnya atau mereka sengaja hendak menjerat Emak. Emak semakin kusut dengan perkhabaran Nizam. Emak masih ingat peristiwa lima tahun lalu. Mana boleh Emak lupakan peristiwa yang menjadi perbalahan di antara adik-beradiknya. Emak tersenyum sendirian bila mengingatkan telatah Nizam tadi. Dia sudah agak lama tidak melihat anak penakannya itu. Dulu tubuhnya masih kecil dan manja sekali dengan Longnya. Kini sudah remaja.

15 Senyuman Emak menjadi semakin sumbing. Bukan kerana giginya yang sudah rongak atau mulutnya yang merah kerana pinang dan sirih yang bercampur liur tetapi terimbau pada kisah lima tahun lepas. Emak mungkin tidak mampu melupakan bagaimana layanan yang diterimanya daripada Pak Ngah sekeluarga. Kunjungan Emak malam itu penuh kemesraan seorang kakak. Kasih sayang seorang anak. Tidak langsung terdetik di hati Emak untuk mengambil kesempatan kepada sesiapa. Demi ikatan kekeluargaan yang erat, kunjungan Emak tiada langsung perasaan hasat dan dengki.

20 Kalaulah bukan kerana sayangkan anaknya, Emak pun tidak akan pergi berjumpa Tok Wan malam itu. Aku anak sulung Emak menjadi punca persengketaan antara adik-beradik Emak. Aku meminta tolong daripada Emak manakala Emak meminta tolong daripada bapanya. Takkan itu salah. Bukankah itu yang sepatutnya terjadi di dalam galuran kasih antara ibu bapa. Tetapi bukan pada adik-beradik. Bukan Pak Ngah atau bukan Cik Teh. Ikatan adik-beradik hanya erat semasa kecil tetapi akan renggang apabila dewasa. Itulah hakikat kekeluargaan.

30 Emak mesti teringat kembali malam berkenaan. Kunjungan kami sekeluarga ke rumah Tok Wan menjadi punca sengketa. Tujuan Emak malam itu hanya ingin meminta sedikit daripada ihsan bapanya. Sebenarnya bukanlah Emak hendak mengambil kesempatan ke atas sesiapa. Tujuan Emak ialah untuk membantu Aku yang sedang dalam kesempitan. Emak mana yang tidak membantu anaknya yang dalam kesusahan. Masalah yang menyelubungi Aku dan Emak bersangkutan dengan maruah. Maruah Aku samalah juga dengan maruah Emak. Bukankah bersangkutan-paut juga dengan Tok Wan dan anak-anak Tok Wan yang lain.

35 Jumlah wang yang mahu dipinjam oleh Emak itu bukanlah banyak. Kalau hendak dibandingkan dengan jumlah pembiayaan kenduri anak-anak Pak Ngah ternyata jauh lebih besar. Kalau bukan kerana duit daripada Tok Wan, mungkin Pak Ngah masih belum bermenantu. Emak tidak pernah hendak mengungkit kerana semua wang itu bukanlah digunakan untuk pembaziran bahkan untuk kesenangan anak cucunya sendiri. Tetapi pada malam itu hati Emak begitu tercalar.

40 Emak tahu jawapan daripada mulut Tok Wan itu tidak benar. Masakan duit pampasan tanah yang diterima hampir setengah juta sudah habis dibelanjakan. Mustahil dua orang tuanya mampu menghabiskan semua pampasan itu dalam masa setahun. Dulu pernah juga Emak menyarankan agar Tok Wan mengerjakan haji ke Makkah. Tapi alasan yang diberikan oleh Tok Wan belum sampai seru. Entah apa seru yang mahu disampaikan kepada mereka. Mereka sendiri pun tidak tahu.

Dipetik daripada Siti Munawirah,
“Sengketa Semusim,”
Berita Minggu, 18 September 2005.

1. (b)

Pendeta Bangsa

Dialah pendeta bangsa yang terkasih
antara wajah hemah bestari
bertafakur menggenggam seberkas janji
merandai duka demi menjulang cemerlang
5 suasana wibawa tercatat di lembar sejarah
yang dikait dari bintang bergemerlapan lalu
terangnya bersuluh terserlah di rimbunan perkasa.

10 Dialah ayahanda pertiwi di tanah hijau damai
memacak akar ilmu teguh di dada para wangsa
disanggah diterjah itulah lawan yang membaja
dahanan rendang dengan kilau mutiara berzaman
dialah lidah bangsa yang berkata hikmah dan bersusila
dialah indera mata jauh memandang saujana terbentang
dialah nadi pembela merakam abad yang mewangi setia.

15 Ayahanda bangsa menguntum kasih selamanya
seteguh jambatan azammu kami temalikan warisnya
setinggi menara wawasanmu kami gapaikan di bumantara
di datar kemakmuran kami tajallikan tanda
terima kasih kerana andil yang terbilang
20 maafkan jika ada terlanjur mencalar
menafikan hasrat yang terarca pasti
dalam utusan doa penuh takzim terdakap
kami memohon selaksa limpah rahmat sakral
pemergian ini tidak ternoktah untuk bersimpat
25 dan akrablah bersama bahagia bersama jernih
di telaga suci yang akan kami warisi.

Azhar Salleh
Berita Minggu, 12 June 2005